



# GARIS PANDUAN

# AKREDITASI PERUSAHAAN SOSIAL

(SOCIAL ENTERPRISE ACCREDITATION GUIDELINES)

Garis panduan ini untuk menerangkan tatacara, prosedur dan syarat yang terlibat dalam mengemukakan permohonan bagi akreditasi perusahaan sosial serta hal-hal lain yang berkaitan.



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT



## Definisi Perusahaan Sosial (SE)

---

Di Malaysia, SE ditakrifkan sebagai:

Entiti perniagaan yang didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis di Malaysia yang menghasilkan impak sosial atau alam sekitar yang positif secara proaktif dan pada masa yang sama mempunyai kemampuan kewangan yang mampan.

## Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A)

Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A) diwujudkan untuk mengesahkan status sesuatu perusahaan sosial bagi membantu mereka mendapatkan akses kepada pelbagai sokongan dan peluang yang lebih besar untuk mengembangkan perniagaan.

Secara umumnya, melalui proses akreditasi ini sesebuah organisasi yang berstatus Perusahaan Sosial Yang Diiktiraf [Accredited Social Enterprise] akan disenaraikan dalam **direktori atas talian (online platform) SE.A MED** bagi memberi akses kepada pelanggan dan orang awam untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu perusahaan sosial (SE) dengan lebih efisien.

## Faedah yang diperolehi daripada SE.A

Organisasi yang diakreditasi melalui SE.A akan menerima faedah berikut:

**Disenaraikan dalam direktori awam** yang membolehkan bakal pelanggan mendapat akses maklumat mengenai sesuatu perusahaan sosial.

**Dimasukkan dalam kempen *Buy-for-Impact***, bagi menggalakkan sektor swasta dan sektor awam untuk mendapatkan produk/servis daripada perusahaan sosial.

**Mendapat akses kepada pembiayaan dan sokongan** - dari semasa ke semasa, MED dan agensi bakal menawarkan pelbagai bentuk sokongan tambahan untuk SE yang diiktiraf tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

**Menyertai jaringan perusahaan sosial ternama di Malaysia** – memperoleh akses kepada pelbagai program, rangkaian dan peluang kerjasama serta pertukaran ilmu dan pengalaman dengan perusahaan SE yang ternama di Malaysia.

## Kriteria Utama bagi Akreditasi Perusahaan Sosial

---

Bagi melayakkan organisasi diakreditasikan sebagai perusahaan sosial, organisasi perlu memenuhi tiga (3) kriteria utama berikut:



---

### Mewujudkan impak sosial atau alam sekitar yang positif secara proaktif

Organisasi mestilah ditubuhkan dengan matlamat dan objektif yang jelas dalam memberi impak sosial atau alam sekitar.

---

### Menyumbangkan sumber yang signifikan kepada matlamat sosial atau alam sekitar

Organisasi mestilah memperuntukkan sejumlah besar sumber ke arah matlamat sosial atau alam sekitar.

---

### Mempunyai kemampuan kewangan

Hasil jualan melalui barang atau perkhidmatan perlulah sekurang-kurangnya mencapai lebih daripada 50% (separuh) daripada jumlah pendapatan tahunan dan bukannya melalui sumbangan atau geran.

Bagi perusahaan *start-up* pula, perlu mempunyai model perniagaan yang boleh dipercayai untuk menjana pendapatan.

## **1. Mewujudkan Impak Sosial atau Alam Sekitar yang Positif Secara Proaktif**

---

**"Matlamat sosial atau alam sekitar":**

Matlamat organisasi mesti dinyatakan dengan jelas pada laman web organisasi dan/atau dalam perlembagaan syarikat.



## 01

Matlamat sosial / alam sekitar ini tidak semestinya menjadi matlamat utama atau menjadi keutamaan organisasi. Organisasi yang bermatlamatkan keuntungan juga layak memohon. Walau bagaimanapun, matlamat sosial / alam sekitar perlu dinyatakan secara jelas.



## 02

Sebaiknya, matlamat perlu menjelaskan impak sosial atau alam sekitar yang hendak dicapai oleh organisasi (contohnya, perubahan sebenar yang ingin dicapai oleh organisasi).

Walau bagaimanapun adalah memadai sekiranya matlamat menyatakan tujuan organisasi adalah untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik:

Impak positif terhadap sosial / alam sekitar adalah merujuk kepada perubahan yang ingin disasarkan berdasarkan matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi.

Sebagai contoh, "Sasaran impak kami adalah untuk meningkatkan kesejahteraan ibu tunggal berpendapatan rendah" atau "Matlamat kami adalah untuk mengurangkan jumlah pembuangan sampah yang dihantar ke tapak pelupusan".

## 03

Selain itu, perubahan yang ingin dicapai oleh organisasi tidak perlu dinyatakan secara spesifik, tetapi memadai dengan menyatakan tujuan organisasi adalah untuk memberikan sokongan atau bantuan kepada golongan tertentu yang kurang bernasib baik. Contohnya, "Kami menyediakan perkhidmatan bersubsidi untuk isi rumah berpendapatan rendah"; atau "Kami bertindak sebagai suara untuk kumpulan etnik minoriti".



04

---

Permohonan Akreditasi SE adalah terbuka kepada semua organisasi yang menyokong rakyat Malaysia dan/atau warga asing, sama ada di dalam ataupun di luar Malaysia.

05

---

Permohonan bagi Akreditasi SE turut dibuka kepada organisasi yang tidak memberikan sokongan secara langsung kepada golongan yang kurang berasih baik tetapi organisasi turut menyumbang dalam penambahbaikan sistem kerja, contohnya dengan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu sosial dan alam sekitar atau memberikan sokongan untuk meningkatkan kapasiti badan amal atau SE yang lain.



## 2. Menyumbangkan Sumber yang Signifikan kepada Misi Sosial atau Alam Sekitar

---

"Memperuntukkan sejumlah besar sumber ke arah matlamat sosial atau alam sekitar": Organisasi perlu menunjukkan bahawa kos yang dibelanjakan bagi kerja-kerja sosial/alam sekitar adalah signifikan berbanding dengan keuntungan tahunan mereka atau kos menjalankan perniagaan.



01

---

Pada dasarnya, SE adalah organisasi yang mengambil langkah proaktif untuk mewujudkan manfaat sosial atau alam sekitar yang lebih positif dan tidak hanya sekadar memaksimumkan keuntungan semata-mata.

02

---

Secara umumnya, SE hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 51% daripada keuntungan mereka untuk matlamat sosial atau alam sekitar atau dengan mewujudkan dasar pengambilan pekerja dari kalangan golongan yang tidak berkemampuan pada nisbah 51:49 (walaupun bagaimanapun, setiap permohonan akan dipertimbangkan mengikut kes).

03

---

Disamping itu, SE hendaklah menyatakan komitmen terhadap matlamat dalam memberi impak sosial/alam sekitar dengan mengintegrasikan impak sumbangan dalam model perniagaan mereka. Dalam kes ini, peruntukan sekurang-kurangnya 35% daripada kos produk/perkhidmatan (langsung dan operasi), hendaklah digunakan bagi golongan kumpulan sasar atau bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam matlamat sosial/alam sekitar mereka.

## Secara ringkasnya, SE perlu memenuhi salah SATU kriteria berikut:



51% tenaga kerja adalah daripada golongan yang kurang berasas baik; dan/atau

35% kos perniagaan disalurkan untuk menyediakan pendapatan, latihan atau subsidi barang atau perkhidmatan kepada golongan yang kurang berasas baik; dan/atau

35% daripada bahan mentah atau sumber pengeluaran dibelanjakan untuk mencapai misi alam sekitar; dan/atau

51% daripada keuntungan diperuntukkan untuk mencapai misi sosial/alam sekitar.

### **3. Mempunyai Kestabilan Kewangan**

---

Lebih daripada 50% (separuh) daripada jumlah pendapatan tahunan yang diperolehi oleh organisasi hendaklah melalui hasil jualan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan dan bukannya melalui sumbangan atau geran; manakala untuk perusahaan *start-up* pula, perlukan model perniagaan yang boleh dipercayai untuk menjana pendapatan.

Pendapatan ditakrifkan mengikut Piawaian Perakaunan Malaysia Standard 9: "Pendapatan". SE akan dinilai berdasarkan jumlah pendapatan yang dilaporkan dalam penyata kewangan mereka yang terkini.



### **4. Peringkat-peringkat Pelaksanaan SE.A**

---


Terdapat 3 peringkat utama bagi pelaksanaan SE.A seperti berikut:

#### **4.1) Tahap I - Status Akreditasi SE Asas**

SE Asas merupakan peringkat di mana SE mengisyiharkan organisasi mereka sebagai perusahaan sosial melalui platform akreditasi perusahaan sosial MED. SE Asas adalah langkah pertama dalam proses akreditasi perusahaan sosial.



## Tatacara permohonan bagi SE Asas



Untuk dipertimbangkan sebagai SE Asas, pemohon perlu membuat permohonan melalui platform atas talian SE.A MED.

Pemohon perlu mewujudkan akaun asas dan mengisi borang yang disediakan. Borang ini akan disemak dan sekiranya lengkap, pemohon SE akan diberikan status SE Asas dan notifikasi status permohonan dimaklumkan melalui platform SE.A MED dan e-mel.



## Tempoh proses

Notis Kelulusan/Penolakan akan diberikan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh penyerahan borang secara atas talian.



## Faedah yang diperolehi

Perusahaan sosial dengan status SE Asas akan diiktiraf sebagai perusahaan sosial dan didaftarkan dalam pangkalan data SE.A MED.

Bagi peringkat SE Asas, penderma yang menyumbang sumbangan tunai tidak layak menerima insentif potongan cukai di bawah Seksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan.

Organisasi yang mendapat akreditasi SE Asas boleh memohon untuk akreditasi ke peringkat seterusnya, iaitu Status Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A).

## 4.2) Tahap II - Status Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A)

Status Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A) akan diberikan kepada SE Asas yang telah diaudit berdasarkan kriteria kelayakan (Kriteria 1-3) yang telah disenaraikan.

### Tatacara permohonan Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A)

Untuk layak diakreditasi sebagai SE.A, pemohon perlulah diiktiraf sebagai SE Asas terlebih dahulu.



Selepas menerima pengiktirafan SE Asas, pemohon perlu mengemukakan dokumen yang lengkap untuk tujuan audit. Dokumen yang lengkap perlu ditanda tangani oleh SE dan dimuat naik ke platform SE.A MED untuk tujuan penilaian.

Selepas menerima kelulusan daripada pihak Jawatankuasa, SE akan dianggap sebagai SE.A yang telah diiktiraf. Notifikasi kelulusan akan dilakukan melalui e-mel dan sijil akreditasi akan dikeluarkan kepada SE yang diluluskan.

### Tempoh Proses



Selepas menghantar kesemua dokumen yang diperlukan, notis kelulusan/penolakan akan dikeluarkan dalam tempoh **30 hari bekerja** dari tarikh penghantaran dokumen yang lengkap dikemukakan. Notis penangguhan akan dikeluarkan kepada pemohon sekiranya tempoh lanjutan diperlukan atas pelbagai sebab.

### Faedah yang diperolehi



Organisasi yang diiktiraf SE.A adalah layak memohon untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) bagi penderma yang menyumbang sumbangan tunai di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan.

## Tempoh sah akreditasi

Akreditasi SE.A adalah sah untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun, tertakluk kepada pematuhan terhadap keperluan pelaporan yang dinyatakan di bawah.



Mengemukakan  
penyata audit yang  
dikemas kini



Mengemukakan penyata Akaun  
Mengurus yang memperincikan  
perbelanjaan yang dibuat  
berkaitan impak (jika berkenaan)



Laporan pencapaian  
impak oleh perusahaan  
sosial untuk tahun  
kalender sebelumnya

## 4.3 Tahap III - Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A) Plus

SE.A Plus adalah tahap terakhir akreditasi yang akan mengesahkan status organisasi sebagai perusahaan sosial dengan pengiktirafan Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

### Tatacara permohonan bagi SE.A Plus



Untuk memohon SE.A Plus, pemohon perlu memperolehi pensijilan akreditasi SE dari MED (sijil fizikal dijana daripada platform SE.A MED selepas kelulusan Jawatankuasa).

Seterusnya, permohonan perlu dibuat kepada Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mendapatkan kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.



### Faedah yang diperolehi


Organisasi yang diiktiraf SE.A Plus layak mengeluarkan resit kepada penderma individu dan korporat.

# Carta Alir Proses Permohonan Bagi Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A)

## Tahap I - Status Akreditasi SE Asas

Permohonan oleh organisasi melalui platform atas talian SE.A MED

\*Proses dalam tempoh 14 hari bekerja




Notis Kelulusan/  
Penolakan

## Tahap II - Status Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A)

Pemohon mengemukakan dokumen yang diperlukan secara atas talian


\*Penilaian oleh Jawatankuasa dalam tempoh 30 hari bekerja



Notis Kelulusan/  
Penolakan


## Tahap III - Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A) Plus

Permohonan kepada Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)



Garis panduan ini adalah tertakluk kepada penambahbaikan dari semasa ke semasa.





**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62668 Putrajaya Malaysia.

No. Telefon : 03-8000 8000  
Faks : 03-8889 3712  
E-mel : [webmaster@med.gov.my](mailto:webmaster@med.gov.my)

